KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
Secretary General
Ministry of Health, Malaysia

Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
MALAYSIA

Telefon : 03-8883 2539
Web : www.moh.goh.my
Emel : pejabatksu@moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM.400-10/3/3576 (29)
Tarikh : 29 Jun 2026

TERIMA
- 3 JUL 2026
Pejabat TKPV (PTJ)
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan,

PELAKSANAAN DASAR PROGRAM PENGGUNAAN BARANGAN DAN PERKHIDMATAN HASIL PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) TEMPATAN (MYSTI) DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah memperkenalkan Program Penggunaan Barangan Dan Perkhidmatan Hasil Penyelidikan Dan Pembangunan Tempatan (MySTI) Dalam Perolehan Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan/ Perolehan Kerajaan (PP/PK) 1.4 – Dasar Bahan, Barangan Dan Perkhidmatan Tempatan Dalam Perolehan Kerajaan. Inisiatif MySTI ini merupakan salah satu usaha bagi menyokong hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan melalui platform program penandaan logo MySTI, inventori barangan dan perkhidmatan hasil R&D tempatan dan laluan untuk syarikat teknologi tempatan diberi keutamaan dalam perolehan Kerajaan.

3. Bagi memastikan inisiatif ini dilaksanakan, pihak MOSTI dan MOF melalui PP/PK 1.4 telah menetapkan perkara-perkara berikut:

3.1. Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator* – KPI) tahunan Kementerian bagi perolehan MySTI ditetapkan sekurang-kurangnya 5% daripada jumlah/nilai yang dipetakan sebagai perolehan MySTI melalui Perancangan Perolehan Tahunan (PPT);

3.2. Permarkahan khusus sebanyak 10% ditetapkan bagi pensijilan MySTI dalam komponen penilaian kewangan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan; dan

3.3. Perolehan melibatkan produk MySTI berstatus prototaip boleh dilaksanakan secara rundingan terus.

4. Sehubungan itu, bagi memastikan dasar pelaksanaan perolehan MySTI dalam perolehan Kerajaan dipatuhi, setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah Kementerian ini hendaklah melaksanakan perkara-perkara berikut:

4.1. Mengemas kini dan **mengemukakan status pelaksanaan perolehan** yang telah dipetakan sebagai perolehan **MySTI** melalui laporan PPT yang dikemukakan pada setiap bulan;

4.2. Bagi perolehan secara sebut harga dan tender, Jawatankuasa Spesifikasi hendaklah memastikan **dokumen pelawaan** menyatakan dengan **jelas** spesifikasi barangan atau perkhidmatan berkaitan produk MySTI;

4.3. Jawatankuasa Spesifikasi juga hendaklah menetapkan **pemarkahan** khusus sebanyak **10%** daripada komponen penilaian kewangan bagi keperluan sijil MySTI; dan

4.4. Urus Setia Perolehan hendaklah memastikan setiap pembekal yang layak dan menawarkan produk MySTI diberikan **keutamaan** semasa perakuan kepada Pihak Berkuasa Melulus (PBM).

5. Sepertimana YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan sedia maklum, pihak MOSTI telah menyediakan inventori produk MySTI bagi membolehkan setiap agensi Kerajaan membuat semakan barangan dan perkhidmatan yang telah diiktiraf dan mendapat pensijilan di bawah perolehan MySTI. Oleh yang demikian, setiap PTJ hendaklah merujuk kepada inventori barangan dan perkhidmatan MySTI yang boleh diakses melalui pautan https://www.mysti.gov.my/listing. Selain itu, pihak PTJ juga boleh membuat semakan senarai barangan dan perkhidmatan MySTI melalui pangkalan data (*database*) bagi Kementerian ini di pautan berikut: https://docs.google.com/spreadsheets/d/1F9EN_v3wAZks-cAzwMK4-BGnHil-8UdPwenNteYtTtg/edit?usp=sharing

6. YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan adalah dimohon untuk memanjangkan perkara ini kepada semua PTJ di bawah seliaan masing-masing. Pihak YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan adalah turut diingatkan untuk memastikan setiap perolehan yang dilaksanakan adalah mengikut peraturan dan tatacara perolehan semasa yang berkuatkuasa serta mengutamakan prinsip integriti dalam perolehan Kerajaan.

7. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD)

Salinan kepada:

TKSU (P)

TKSU (K)

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
PROGRAM KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN

TKPK (K&KM) CATATAN:	Peg. Khas	
	Pengurusan	
	PA	
	TP (P&P)	
PDPSSC CATATAN:	TP (S&C)	
	TP (S)	
	TP (M)	
	Ketua (K&K)	
	ARAC	
	PA	
PPP CATATAN:	TP (PD)	
	TP (ID)	
	TP (PMA)	
	TP (E)	
	TP (I)	
	PA	
PNCES CATATAN:		
MJMM CATATAN:		

Catatan: Edarkan kpd semua anggota. dbo 3/7

Cta rujukan semua. Positive perkara ini dipatuhi

Tarikh:

LAMPIRAN

SENARAI EDARAN

1. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

2. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

3. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)

4. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Pergigian)

5. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)

6. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Keselamatan dan Kualiti Makanan)

7. Setiausaha Bahagian Kanan
   Bahagian Pembangunan

8. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Sumber Manusia

9. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Khidmat Pengurusan

10. Setiausaha Bahagian
    Bahagian Kewangan

11. Setiausaha Bahagian
    Bahagian Pengurusan Latihan

12. Setiausaha Bahagian
    Bahagian Pengurusan Maklumat

13. Setiausaha Bahagian
    Bahagian Pembangunan Kompetensi

14. Setiausaha Bahagian
    Bahagian Akaun

15. Setiausaha Bahagian
    Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa

16. Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan

17. Pengarah
Bahagian Perancangan

18. Pengarah
Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA)

19. Pengarah
Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari

20. Pengarah
Bahagian Kejururawatan

21. Ketua Audit Dalam
Unit Audit Dalam

22. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

23. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

24. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

25. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

26. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

27. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

28. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan

29. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

30. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

TERIMA
2 JUL 2026
Program Keselamatan dan Kualiti Makanan

31. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

32. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

33. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

34. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

35. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

36. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

37. Pengarah
Hospital Kuala Lumpur

38. Pengarah
Pusat Darah Negara

39. Pengarah
Institut Kanser Negara

40. Pengarah
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan

41. Pengurus
Institut Kesihatan Negara